

Terma dan Syarat Kempen Peruntukan Dalam Talian CIMB

1. “**Kempen Peruntukan Dalam Talian CIMB**” (“**Kempen**”) dianjurkan bersama oleh CIMB Bank Berhad [No. Pendaftaran: 197201001799] (“**CIMB Bank**”) dan CIMB Islamic Bank Berhad [No. Pendaftaran: 200401032872] (“**CIMB Islamic**”). CIMB Bank dan CIMB Islamic adalah secara kolektif dirujuk sebagai “**CIMB**”.

Tempoh Kempen

2. Kempen ini akan berlangsung dari 07:00 (GMT+8) pada **20 September 2025**, dan berakhir di 23:30 (GMT+8) pada **28 Februari 2026**, termasuk kedua-dua tarikh tersebut (“**Tempoh Kempen**”).
3. CIMB berhak untuk menukar tempoh dan/atau tarikh permulaan dan/atau penamatan Tempoh Kempen dengan memberikan notis terdahulu tujuh (7) hari kalendar.

Kelayakan

4. Tertakluk pada Terma dan Syarat di dalam ini, Kempen ini terbuka kepada:
 - a. Individu yang berumur lapan belas (18) tahun dan ke atas; dan
 - b. Individu yang berwarganegara Malaysia; dan
 - c. Individu yang tidak mempunyai sebarang CIMB Akaun Semasa/-i dan/atau Akaun Simpanan/-i (“**CASA/-i**”) atau CIMB Akaun Pelaburan Harian Tanpa Had-i (“**DURIAN-i**”) atas nama tunggal beliau sebelum Tempoh Kempen (“**Baharu-kepada-Produk**”); dan
 - d. Individu yang berjaya membuka CIMB Akaun Penyertaan baharu melalui platform pembukaan akaun dalam talian e-KYC di Laman Sesawang CIMB (“**Platform Pembukaan Akaun Dalam Talian Langsung**”).(selepas ini secara kolektif dirujuk sebagai “**Peserta Layak**”).
5. Kategori individu/entiti berikut adalah **TIDAK** layak untuk menyertai Kempen ini dan/atau dianggap sebagai Peserta Layak:-
 - a. Perusahaan kecil sederhana/ perusahaan perbankan/komersial dan pelanggan korporat seperti yang akan ditentukan oleh CIMB yang termasuk tetapi tidak terhad kepada pemilikan tunggal, perkongsian, syarikat tersenarai awam, syarikat sendirian berhad, organisasi/pertubuhan amal/bukan keuntungan, kelab, persatuan, koperasi dan perkongsian profesional; dan/atau
 - b. Individu di bawah umur lapan belas (18) tahun untuk pembukaan akaun; dan/atau
 - c. Individu yang tidak memegang kewarganegaraan Malaysia; dan/atau
 - d. Individu yang mempunyai CIMB CASA/-i dan/atau CIMB DURIAN-i atas nama tunggal sebelum Tempoh Kempen (“**Produk Sedia-Ada**”) dan/atau
 - e. Kakitangan Kumpulan CIMB* (termasuk subsidiari dan syarikat-syarikat berkaitannya); dan/atau

- f. Pelanggan yang telah diisytiharkan sebagai bankrap atau sebaliknya yang mempunyai prosiding kebangkrapan dalam apa jua bentuk yang dimulakan terhadap mereka; dan/atau
- g. Mana-mana individu yang telah melakukan atau disyaki melakukan sebarang salah laku, penipuan atau perbuatan yang menyalahi undang-undang berhubung dengan akaun Kad mereka, mana-mana kemudahan, perkhidmatan atau kemudahan lain yang diberikan oleh CIMB.

*“Kumpulan CIMB” merujuk kepada Kumpulan syarikat/entiti perundangan di mana CIMB Group Holdings Berhad, sebagai syarikat induk muktamad kepada CIMB, mempunyai kepentingan kawalan, secara langsung atau tidak langsung, sama ada secara sendirinya atau melalui subsidiari syarikatnya.

- 6. Peserta Layak juga mesti mematuhi terma dan syarat sedia ada yang mengawal produk/perkhidmatan berikut semasa menyertai Kempen ini (yang mana berkenaan):
 - a. Pembukaan Akaun CIMB Dalam Talian Sepenuhnya;
 - b. CIMB Clicks;
 - c. Aplikasi CIMB OCTO;
 - d. CIMB CASA/-i;
 - e. CIMB DURIAN-i;
 - f. Kad Debit CIMB Mastercard;
 - g. Kad Debit CIMB Visa.

(secara kolektif dirujuk sebagai “**Terma dan Syarat Sedia Ada**”).

- 7. Dengan menyertai Kempen ini, Peserta Layak merepresentasi dan mengesahkan bahawa beliau tidak termasuk dalam mana-mana kategori orang/entiti yang dinyatakan di Klausula 5.
- 8. Jika Peserta Layak adalah peserta secara serentak dalam mana-mana kempen CASA/-i lain yang sedang berjalan atau skim promosi yang dianjurkan oleh CIMB, Peserta Layak hanya akan layak untuk memenangi atau menerima ganjaran dan/atau hadiah di bawah salah satu daripada mana-mana kempen atau skim promosi tersebut sahaja. CIMB merizabkan hak dan budi bicara mutlak untuk menentukan kempen atau skim promosi yang terpakai kepada Peserta Layak yang berkenaan tanpa notis.

Mekanik Kempen

- 9. Untuk tujuan Kempen ini, senarai CIMB Akaun Penyertaan (“**Akaun Penyertaan**”) adalah seperti yang berikut:
 - a. Akaun AirAsia Savers;
 - b. Akaun Simpanan Asas memerlukan fi tahunan;
 - c. Akaun Simpanan Asas tanpa fi tahunan;
 - d. Akaun Simpanan Asas-i memerlukan fi tahunan;
 - e. Akaun Simpanan Asas-i tanpa fi tahunan;
 - f. Akaun Simpanan EcoSave-i;
 - g. Akaun Simpanan;
 - h. Akaun Pelaburan Harian Tanpa Had-i (DURIAN-i).

10. Untuk layak memperoleh Ganjaran Tunai yang ditakrifkan dalam Klausa 14 di sini, Peserta Layak mesti memenuhi kriteria kelayakan berikut ("**Kriteria Kelayakan**") sepanjang Tempoh Kempen:
- Peserta Layak mesti berjaya membuka Akaun Penyertaan baru atas namanya sebagai pemegang akaun utama melalui platform pembukaan akaun dalam talian e-KYC di Laman Sesawang CIMB ("**Platform Pembukaan Akaun Dalam Talian Langsung**"); **DAN**
 - Peserta Layak diwajibkan untuk melengkapkan pembiayaan deposit permulaan secara serentak dan menguntukkan Amaun Peruntukan ("**Amaun Peruntukan**") melalui Financial Process Exchange ("**FPX**") selama tiga (3) bulan berturut-turut ("**Tempoh yang Diperuntukkan**") untuk Akaun Penyertaan dengan Bank:

Peringkat	Amaun Peruntukan (RM)	Tempoh yang Diperuntukkan
Peringkat 1	3,000	3 bulan
Peringkat 2	5,000	3 bulan
Peringkat 3	10,000	3 bulan

11. Tempoh yang Diperuntukkan selama tiga (3) bulan berturut-turut bermula dari tarikh penyelesaian pembiayaan deposit permulaan dan menguntukkan Amaun Peruntukan melalui FPX ("**Tarikh Permulaan**").
12. Untuk mengelakkan keraguan, Akaun Penyertaan mestilah dalam nama pemegang akaun tunggal/perseorangan sahaja dan akaun bersama tidak akan layak untuk Kempen ini.
13. Deposit yang dibuat di bawah Kempen ini tidak boleh dan dilarang sama sekali untuk diperuntukkan atau digunakan untuk kempen lain yang berjalan serentak dalam Tempoh Kempen.

Ganjaran Tunai

14. Jadual di bawah menunjukkan Ganjaran Tunai yang disediakan kepada Peserta Layak yang memenuhi Kriteria Kelayakan di bawah Kempen ini:

Peringkat	Amaun Peruntukan (RM)	Tempoh yang Diperuntukkan	Ganjaran Tunai (RM)	Bilangan Pemenang Setiap Bulan Kempen	Jumlah Pemenang untuk Seluruh Kempen
Peringkat 1	3,000	3 bulan	50	70	350
Peringkat 2	5,000	3 bulan	90	40	200
Peringkat 3	10,000	3 bulan	200	20	100

15. Bulan Kempen ditetapkan seperti di bawah:

Bulan Kempen	Corresponding Dates
Bulan 1	20 September 2025 – 31 Oktober 2025
Bulan 2	1 November 2025 – 30 November 2025
Bulan 3	1 Disember 2025 – 31 Disember 2025

Bulan 4	1 Januari 2026 – 31 Januari 2026
Bulan 5	1 Februari 2026 – 28 Februari 2026

16. Contoh-contoh berikut menggambarkan pengklasifikasian Bulan Kempen berdasarkan Tarikh Permulaan:

Tarikh Permulaan	Bulan Kempen	Tarikh
30 September 2025	Bulan 1	20 September 2025 – 31 Oktober 2025
14 November 2025	Bulan 2	1 November 2025 – 30 November 2025
12 Januari 2026	Bulan 4	1 Januari 2026 – 31 Januari 2026

17. Ganjaran Tunai dihadkan kepada seratus tiga puluh (130) Pemenang Ganjaran Tunai ("**Pemenang**") bagi setiap Bulan Kempen berdasarkan siapa cepat, dia dapat, mengikut Tarikh Permulaan.
18. Jumlah Ganjaran Tunai yang ditawarkan di bawah Kempen ini adalah terhad kepada Ringgit Malaysia Lima Puluh Lima Ribu Lima Ratus (RM55,500) sepanjang Tempoh Kempen.
19. Setiap Pemenang hanya berhak menerima maksimum satu (1) Ganjaran Tunai sahaja sepanjang Tempoh Kempen tanpa mengira jumlah Akaun Penyertaan yang dibuka sepanjang Tempoh Kempen.
20. CIMB berhak mengubah Tempoh Kempen mengikut Klausula 3 di atas bergantung kepada sama ada Ganjaran Tunai telah sepenuhnya digunakan.
21. CIMB CASA/-i adalah dilindungi oleh PIDM sehingga RM250,000 bagi setiap pendeposit.
22. CIMB DURIAN-i Akaun tidak dilindungi oleh PIDM.

Pemenuhan Ganjaran Tunai dan Terma dan Syarat Ganjaran Tunai

23. Sekiranya Amaun Peruntukan dikeluarkan, sebahagian atau sepenuhnya, semasa Tempoh Peruntukan atas sebarang sebab, Peserta Layak tidak akan berhak menerima Ganjaran Tunai.
24. Peserta Layak hendaklah memberi notis kepada Bank tidak kurang daripada tujuh (7) hari bekerja terlebih dahulu bagi sebarang niat untuk mengeluarkan Amaun Peruntukan yang telah diperuntukkan.
25. Ganjaran Tunai akan dikreditkan ke dalam Akaun Penyertaan yang baru dibuka bagi Peserta Layak seperti berikut:

Bulan Kempen	Tarikh	Pemenuhan Ganjaran Tunai
1	20 September 2025 – 31 Oktober 2025	Dalam tempoh 90 hari bekerja dari 31 Januari 2026
2	1 November 2025 – 30 November 2025	Dalam tempoh 90 hari bekerja dari 28 Februari 2026
3	1 Disember – 31 Disember 2025	Dalam tempoh 90 hari bekerja dari 31 Mac 2026

4	1 Januari – 31 Januari 2026	Dalam tempoh 90 hari bekerja dari 30 April 2026
5	1 Februari – 28 Februari 2026	Dalam tempoh 90 hari bekerja dari 31 Mei 2026

26. Pemenang akan dimaklumkan oleh CIMB melalui Short Message Service (SMS) atau melalui or sebarang cara notifikasi lain yang dipilih oleh CIMB mengikut budi bicara mutlaknya selepas Ganjaran Tunai telah dikreditkan.
27. Pada masa penerimaan Ganjaran Tunai, Akaun Penyertaan Peserta Layak **MESTILAH** berada dalam keadaan yang baik dan **TIDAK BOLEH** dormant, ditamatkan, ditutup, delinkuen, tidak sah atau dibatalkan dalam takrifan CIMB dan/atau melanggar mana-mana terma dan syarat CIMB CASA/-i dan/atau CIMB DURIAN-i, jika tidak, Peserta Layak tidak lagi berhak untuk menerima Ganjaran Tunai tersebut.
28. Penentuan CIMB sama ada Peserta Layak layak menerima Ganjaran Tunai adalah muktamad, mengikat dan konklusif dan penentuan tersebut tidak akan dicabar oleh mana-mana pihak dalam apa jua cara sekalipun.
29. Sebarang permintaan daripada Peserta Layak yang berhak menerima Ganjaran Tunai untuk mengkreditkan Ganjaran Tunai ke dalam akaun CIMBnya yang lain atau mana-mana akaun lain yang dikekalkan dengan institusi kewangan lain atau mana-mana akaun pihak ketiga, menukar Ganjaran Tunai dengan wang tunai fizikal atau hadiah atau ganjaran yang berbeza dengan nilai yang sama atau apa-apa alternatif lain tidak dibenarkan.
30. CIMB bagaimanapun boleh mengubah tarikh pengkreditan Ganjaran Tunai mengikut budi bicara mereka tanpa memberi notis terdahulu kepada Peserta Layak.
31. CIMB merizabkan hak, tanpa perlu memberikan sebarang alasan kepada Peserta Layak untuk menggantung selama-lamanya, membatalkan dan/atau menamatkan Kempen dengan memberikan notis terdahulu sekurang-kurangnya tujuh (7) hari kalendar. Untuk mengelakkan keraguan, penggantungan, pembatalan dan/atau penamatan Kempen tidak akan melayakkan Peserta Layak atau mana-mana orang lain untuk membuat sebarang tuntutan atau pampasan terhadap CIMB bagi sebarang kerugian atau ganti rugi yang dialami atau ditanggung secara langsung atau tidak langsung akibat daripada tindakan penggantungan, pembatalan atau penamatan tersebut.
32. Terma dan syarat berikut akan terpakai untuk Ganjaran Tunai:
 - a. Peserta Layak hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya terhadap perkara berikut akibat penerimaan Ganjaran Tunai:
 - (i) apa-apa kewajipan pemfailan cukai atau apa-apa pembayaran cukai yang kena dibayar kepada mana-mana pihak berkuasa; dan
 - (ii) untuk mendapatkan nasihat bebas tentang kemungkinan implikasi terhadap keadaan kewangannya beliau sendiri.

- b. Peserta Layak hendaklah memastikan bahawa nombor telefon dan/atau alamat e-mel dan/atau alamat surat-menyuratnya ("**Butiran Perhubungan**") yang diberikan kepada CIMB adalah terkini dan dikemas kini.
 - c. CIMB hendaklah berhak untuk melucuthakkan Ganjaran Tunai jika Butiran Hubungan Peserta Layak yang disimpan dalam rekod CIMB adalah tidak sah dan/atau tidak dikemas kini.
 - d. CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada Peserta Layak untuk sebarang kerugian (termasuk kehilangan peluang dan kerugian berbangkit yang mengalir daripadanya) yang dialami atau sebarang kegagalan untuk memenuhi penghantaran Ganjaran Tunai sekiranya nombor telefon dan/atau alamat surat-menyurat Peserta Layak dalam rekod CIMB tidak terkini atau betul.
 - e. Dengan menyertai Kempen ini, Peserta Layak memberikan kuasa kepada CIMB untuk menerbitkan dan/atau memaparkan bahan dan/atau maklumat, termasuk tetapi tidak terhad kepada nama, empat digit terakhir nombor telefon, gambar dan bandar tempat tinggal Peserta Layak tanpa sebarang bayaran pampasan, bagi tujuan pengumuman Peserta Layak dalam Kempen ini atau bagi tujuan pengiklanan dan publisiti mengikut cara yang dianggap sesuai oleh CIMB ("**Hak Penerbitan**").
 - f. Sekiranya Pemenang membantah Hak Penerbitan CIMB selepas menyertai Kempen ini, CIMB hendaklah berhak untuk meluputkan Ganjaran Tunai dan memilih Pemenang yang lain.
 - g. CIMB hendaklah berhak untuk melucuthakkan Ganjaran Tunai dan/atau memilih Pemenang yang lain sekiranya Pemenang gagal menghadiri majlis penyampaian ganjaran dan/atau menyertai acara berkenaan lain yang dikehendaki oleh CIMB.
33. Dengan menerima dan memperoleh Ganjaran Tunai, Peserta Layak bersetuju untuk tidak mempertanggungjawabkan CIMB dan ahli gabungannya serta pengarah, pegawai, pekerja dan ejen masing-masing mereka daripada dan terhadap sebarang tuntutan, tindakan, prosiding, penghakiman, ganti rugi, kerugian, perbelanjaan atau liabiliti berkenaan dengan Peserta Layak:-
- a. penyertaan dalam Kempen; atau
 - b. penerimaan, penebusan atau penggunaan Ganjaran Tunai.
34. CIMB merizabkan hak untuk membatalkan kelayakan Peserta Layak yang gagal mematuhi Terma dan Syarat Sedia Ada CIMB dan/atau yang telah mengemukakan data yang tidak lengkap atau tidak tepat, tanpa notis terdahulu.
35. Mana-mana Peserta Layak yang didapati melakukan tindakan tertentu ke atas akaun mereka yang berisiko tinggi dan tidak selaras dengan Terma dan Syarat Pengguna CIMB atau menamatkan akaun mereka semasa Tempoh Kempen akan hilang kelayakan secara automatik daripada Kempen ini dan tidak berhak menerima Ganjaran Tunai.
36. Peserta Layak yang Akaun Penyertaannya digantung, ditutup, dibatalkan atau ditamatkan atas sebarang alasan sepanjang Tempoh Kempen atau sebelum menerima Ganjaran Tunai tidak akan layak untuk menerima sebarang Ganjaran Tunai di bawah Kempen ini.

37. CIMB hendaklah berhak untuk menahan sebarang manfaat di bawah perkhidmatan yang diberikan, dengan notis terdahulu kepada Peserta Layak jika Peserta Layak didapati telah melanggar mana-mana Terma dan Syarat Pengguna CIMB.

Terma dan Syarat Am

38. Peserta Layak bersetuju bahawa dengan menyerai Kempen, beliau:
- a. dikehendaki membaca dan memahami Terma dan Syarat ini;
 - b. telah mengakses, membaca dan mengesahkan perjanjiannya terhadap Terma dan Syarat ini;
 - c. mengesahkan bahawa terma kontrak utama yang mempengaruhi kewajipannya telah dijelaskan dengan secukupnya kepadanya;
 - d. bersetuju untuk CIMB memproses dan mendedahkan data peribadinya serta apa-apa data peribadi mana-mana individu yang Peserta Layak boleh berkongsi dengan CIMB mengikut Notis Privasi Kumpulan CIMB pada www.cimb.com.my;
 - e. bersetuju bahawa semua keputusan yang dibuat secara munasabah oleh CIMB berhubung dengan setiap aspek Kempen ini adalah muktamad, mengikat dan konklusif; dan
 - f. bersetuju bahawa CIMB tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan kepada Peserta Layak jika CIMB tidak dapat melaksanakan secara keseluruhan atau sebahagian daripada kewajipannya dalam Terma dan Syarat ini yang dikaitkan secara langsung atau tidak langsung kepada:
 - (i) kegagalan mana-mana peranti mekanikal atau elektronik, sistem pemprosesan data atau talian penghantaran;
 - (ii) kegagalan elektrik;
 - (iii) pertikaian industri, perang, mogok atau rusuhan;
 - (iv) apa-apa bencana alam ("Act of God") di luar kawalan CIMB; atau
 - (v) apa-apa faktor yang di luar kawalan munasabah CIMB.
39. Peserta Layak akan dilucutkan kelayakan daripada menyertai Kempen ini dan/atau Ganjaran Tunai akan dilucutkan jika, semasa Tempoh Kempen dan/atau sebelum pengkreditan/penghantaran Ganjaran Tunai:
- a. Akaun Penyertaan Peserta Layak ditutup atau menjadi dormant semasa Tempoh Kempen dan/atau sebelum pengkreditan/penyampaian Ganjaran Tunai;
 - b. Peserta Layak memungkiri Terma dan Syarat yang mengawal Produk Menyertai yang telah didaftarkan;
 - c. Akaun Penyertaan Peserta Layak telah ditamatkan atau ditutup atau dijadikan tertakluk kepada sebarang penahanan, perintah bertentangan yang diperintahkan oleh Mahkamah atau mana-mana pihak berkuasa yang diberi kuasa oleh undang-undang; atau
 - d. Akaun Penyertaan Peserta Layak adalah delinkuen, tidak sah atau telah dibatalkan oleh Peserta Layak atau CIMB.
40. CIMB hendaklah mempunyai hak untuk melucutkan kelayakan mana-mana Peserta Layak yang ia tentukan telah:

- a. mengganggu proses permohonan; dan/atau
 - b. bertindak memungkiri Terma dan Syarat ini.
41. CIMB hendaklah mempunyai hak untuk melanjutkan, memendekkan, menghentikan, membatalkan, menamatkan atau menggantung Kempen dengan memberikan notis terdahulu tujuh (7) hari kalendar kepada Peserta Layak melalui:
- a. pengumuman di laman sesawang CIMB; dan/atau;
 - b. notis di cawangan CIMB; dan/atau
 - c. melalui apa-apa cara pemberitahuan lain yang boleh dipilih oleh CIMB.

Untuk mengelakkan keraguan, CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada Peserta Layak untuk sebarang kerugian, ganti rugi, kos atau perbelanjaan yang mungkin dialami atau ditanggung oleh Peserta Layak sebagai akibat langsung atau tidak langsung daripada sebarang pembatalan, penggantungan, pemendekan atau pelanjutan Kempen ini.

42. CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada mana-mana Peserta Layak atau mana-mana pihak untuk sebarang kerugian, kos, atau ganti rugi (termasuk tetapi tidak terhad kepada, kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik, ganti rugi secara langsung atau tidak langsung, sampingan, turutan, teladan, punitif atau khas) akibat daripada:
- a. penyertaan atau kegagalan penyertaan Peserta Layak dalam Kempen ini; dan/atau
 - b. sebarang kegagalan penerimaan atau kelewatan penerimaan Short Message Service ("**SMS**") oleh Peserta Layak

melainkan kerugian atau kerosakan tersebut timbul daripada dan disebabkan secara langsung oleh kecuaiian melampau atau keingkaran sengaja CIMB.

43. a. CIMB hendaklah mempunyai hak untuk mengubah, menambah, memadam, atau meminda mana-mana Terma dan Syarat ini ("**Pindaan**") dengan memberikan notis terdahulu dua puluh satu (21) hari kalendar kepada Peserta Layak melalui:
- (i) pengumuman di laman sesawang CIMB; dan/atau
 - (ii) notis di cawangan CIMB; dan/atau
 - (iii) iklan dalam satu akhbar pilihan CIMB; dan/atau
 - (iv) melalui apa-apa cara pemberitahuan lain yang boleh dipilih oleh CIMB.
- b. Pindaan tersebut akan dianggap mengikat Pemegang Akaun Layak dari tarikh yang dinyatakan oleh CIMB dalam pemberitahuan.
- c. Jika perubahan itu diperlukan oleh undang-undang atau mana-mana kaedah, peraturan, arahan, notis dan garis panduan ("**Peraturan**") maka tersebut akan berkuat kuasa mengikut undang-undang atau Peraturan dan CIMB akan memaklumkan/memberi notis kepada Peserta Layak tentang perubahan ini secepat mungkin.

- d. Peserta Layak bersetuju untuk mengakses laman sesawang CIMB secara berkala untuk melihat terma dan syarat Kempen dan memastikan mereka sentiasa mengikuti perkembangan terkini dengan sebarang Perubahan kepada Terma dan Syarat.
- 44. CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada Peserta Layak untuk sebarang kerugian, kos atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Peserta Layak sebagai akibat langsung atau tidak langsung daripada Pindaan.
- 45. Peserta Layak hendaklah menanggung rugi sepenuhnya dan memastikan CIMB ditanggung rugi terhadap sebarang fi, kos, caj, perbelanjaan, kerugian, kerosakan atau liabiliti yang mungkin ditanggung oleh CIMB akibat daripada:
 - a. penyertaan dalam Kempen ini; dan/atau
 - b. penerimaan, penebusan atau penggunaan Ganjaran Tunai; dan/atau
 - c. kemungkiran atau kegagalan untuk mematuhi Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.
- 46. Terma dan Syarat ini:
 - a. hendaklah mengatasi mana-mana peruntukan atau representasi yang terkandung dalam mana-mana bahan lain yang mengiklankan Kempen; dan
 - b. dibaca bersama-sama dengan terma dan syarat semasa produk dan/atau perkhidmatan CIMB yang berkaitan dengan Kempen yang hendaklah terpakai sebagai tambahan kepada Terma dan Syarat.
- 47. Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini adalah tertakluk kepada dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia dan kaedah, peraturan dan garis panduan Bank Negara Malaysia dan badan-badan kawal selia lain yang berkenaan di mana CIMB tertakluk.
- 48. Jika CIMB tidak menjalani hak yang dimilikinya dalam Terma dan Syarat ini, ini tidak menghalang CIMB daripada menjalani hak tersebut atau mana-mana hak CIMB lain pada masa hadapan.
- 49. Peserta Layak hendaklah menunjukan apa-apa pertanyaan, maklum balas, kebimbangan, isu atau aduan yang berkaitan dengan CASA kepada CIMB dan CASA-i dan Akaun DURIAN-i kepada CIMB Islamic.
- 50. CIMB Islamic sebagai penyedia bagi semua CASA-i dan Akaun DURIAN-i yang dinyatakan dalam Klausula 9.
- 51. Laman sesawang CIMB mungkin mengandungi pautan ke laman sesawang lain ("**Pautan Pihak Ketiga**"). CIMB tidak mempunyai kawalan ke atas dan tidak memantau atau menyemak kandungan Pautan Pihak Ketiga. Jika Peserta Layak mengklik Pautan Pihak Ketiga, Peserta Layak memahami bahawa mereka mengakses Pautan Pihak Ketiga atas risiko mereka sendiri dan CIMB tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian yang mungkin ditanggung oleh Peserta Layak.
- 52. Peserta Layak boleh menghubungi Unit Resolusi Pelanggan CIMB (CRU) untuk sebarang maklum balas dan/atau aduan berhubung dengan Kempen ini melalui surat, panggilan telefon atau e-mel:



Alamat : CIMB Bank Berhad / CIMB Islamic Bank Berhad, Unit Resolusi Pelanggan (CRU),
P.O. Box 10338, GPO Kuala Lumpur, 50710 Wilayah Persekutuan
No. Telefon : +603 6204 7788
E-mel : contactus@cimb.com

53. CIMB boleh mengubah butiran perhubungan di atas dengan memaklumkan kepada Peserta Layak melalui pengumuman di laman sesawang CIMB di **www.cimb.com.my** atau melalui mana-mana cara pemberitahuan lain yang boleh dipilih oleh CIMB.